

24 JUL 2003

MELAKA BANGUNKAN MUZIUM BELIA BERTARAF ANTARABANGSA

MELAKA, 24 Julai (Bernama) -- Kerajaan Melaka akan membangunkan Muzium Belia bertaraf antarabangsa dengan penyimpanan dokumentasi pertubuhan belia negara luar pada masa depan, kata Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Beliau berkata muzium itu yang telah beroperasi selama 11 tahun kini mencapai hasrat dalam mendidik generasi muda terhadap perkembangan belia di negara ini.

"Apa yang diharapkan ialah golongan belia di negara ini menjadikan muzium sebagai sumber rujukan dalam mempertingkatkan ilmu pengetahuan terutama dalam sesuatu bidang tertentu," katanya kepada pemberita sempena pembukaan semula Muzium Belia di sini hari ini.

Muzium Belia yang terletak di Jalan Laksamana telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada April 1992, menempatkan khazanah serta dokumentasi pembangunan belia.

Mohd Ali juga berkata penubuhan muzium itu memperlihatkan pentingnya gerakan belia di negara ini dalam konteks sejarah perkembangan sosio ekonomi di peringkat negeri dan kebangsaan.

-- BERNAMA

NO ROS